



**MEMO  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER**

**TERIMA**  
28 APR 2016  
Ketua Pengarah Perikanan  
Putrajaya

<b>Kepada:</b> YBhg. Datuk Ketua Pengarah Perikanan Malaysia	<b>Salinan:</b> Fail
<b>Daripada:</b> Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber	<b>Rujukan Kami:</b> Prk.ML. 08/25-22 (66)
	<b>Tarikh:</b> 28 April 2016

YBhg. Datuk,

**PENETAPAN SYARAT-SYARAT BARU LESEN SAMPAN BAGI NEGERI SARAWAK**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat daripada Jabatan Perikanan Laut Sarawak rujukan JPLS.KCH.700-1/5/1 Jld. 4 (23) bertarikh 8 April 2016 mengenai perkara yang sama adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber telah menerima surat daripada Jabatan Perikanan Laut Sarawak berhubung cadangan seperti di atas. Untuk makluman YBhg. Datuk, cadangan syarat-syarat baru lesen sampan bagi negeri Sarawak seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Perikanan Laut Sarawak adalah seperti berikut:

**a) Saiz ukuran panjang tidak kurang 7 meter (minima)**

- i) Semua sampan ukuran panjang tidak kurang 7 meter (minima) dan 15 meter (maksima) disyaratkan untuk lesen sampan baru;
- ii) Bagi sampan yang telah dilesenkan, penetapan syarat ini tertakluk semasa proses permohonan kelulusan ganti kulit;
- iii) Untuk projek satu (1) azam, syarat panjang sampan tidak kurang 7 meter (minima) akan dilaksanakan 1 Januari 2017. Ini adalah membolehkan agensi pelaksana membuat perancangan.

**b) Mengecat badan sampan berwarna oren**

- i) Semua sampan baru yang akan dilesenkan diseragamkan warna iaitu warna oren. Tujuan sampan dicat berwarna oren adalah supaya menampakkan keseragaman dan memberi satu (1) imej yang baik dari segi aktiviti kawalselia. Ianya juga dapat membezakan sampan yang berlesen dengan tidak berlesen dengan mudah. Selain itu, dari segi keselamatan di laut warna oren adalah warna yang terang dan mudah dilihat pada waktu siang.
- ii) Bagi sampan yang telah dilesenkan akan dikehendaki menukar ke warna oren semasa permohonan pembaharuan lesen tahunan, ganti kulit, ubahsuai dan ganti enjin vesel.

3. Sehubungan itu, Bahagian ini **tidak mempunyai halangan** ke atas syarat-syarat baru pelesenan sampan baru bagi negeri Sarawak seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Perikanan Laut Sarawak dan memohon pertimbangan daripada YBhg. Datuk dalam membuat keputusan terhadap permohonan berkenaan.

Sekian untuk makluman dan keputusan YBhg. Datuk selanjutnya. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( TAN GEIK HONG )**

Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sumber  
Ibu Pejabat Perikanan  
**PUTRAJAYA**

**KEPUTUSAN**

**PENETAPAN SYARAT-SYARAT BARU LESEN SAMPAN BAGI NEGERI SARAWAK**

Saya **BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU** ke atas syarat-syarat baru lesen sampan bagi negeri Sarawak.

**Ulasan:**

Tarikh :

3/5/16



**( DATUK HJ. ISMAIL BIN ABU HASSAN )**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perikanan Malaysia  
**PUTRAJAYA**